



**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA
ISNIN , 1 JANUARI 2018**

1. UCAPAN MENTERI KABINET SEMPENA TAHUN BAHARU 2018, DALAM NEGERI – UM, 3
2. NILAI PEMBIAYAAN AGROBANK CECAH RM9.5 BILLION, BISNES – BH, 22
3. AGROBANK CATAT PEMBIAAYAN KESELURUHAN RM9.5 BILLION, NIAGA – KOSMO, 51
4. BIAYA RM 9.5 BILION SEGMENT PERTANIAN, BISNES – HM, 73
5. AGROBANK CATAT PRESTASI HEBAT, EKONOMI – UTUSAN SARAWAK, E2
6. KAWAL HARGA DURIAN, PENDAPAT – SH, 44
7. BUAH DABAI PILIHAN RAMAI, SETEMPAT – HM, 6
8. RASANYA LEBIH PEDAS, SETEMPAT – HM, 70
9. MERIAH ‘ MENGOCA ‘ IKAN, SETEMPAT – HM, 65
10. EMAPT IKAN SEGAR HABIS DIJUAL, SELANGOR – SH, 22
11. PPM RAMPAS PERALATAN TANGKAP IKAN TIDAK SAH – SH ONLINE
12. TRAINER APOLOGIES TO ANIMAL LOVERS FOR DISTRESS, TOP NEWS – MALAY MAIL, 4

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

KERATAN AKHBAR	<input type="checkbox"/>	BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/>	THE SUN	<input type="checkbox"/>	NEW STRAITS TIMES	TARIKH 01 JAN 2018
	<input checked="" type="checkbox"/>	UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MELAYU	<input type="checkbox"/>	THE MALAY MAIL	
	<input type="checkbox"/>	HARIAN METRO	<input type="checkbox"/>	KOSMO	<input type="checkbox"/>	THE STAR	
	<input type="checkbox"/>	SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/>	HARAKAH	<input type="checkbox"/>	KEADILAN	
PERKARA	<input type="checkbox"/>	PERTANIAN	<input type="checkbox"/>	PENGAIRAN & SALIRAN	<input type="checkbox"/>	ALAM SEKITAR	RUANGAN : DALAM NEGERI Muka Surat 3
	<input type="checkbox"/>	PERIKANAN	<input type="checkbox"/>	EKONOMI/PEMASARAN	<input type="checkbox"/>	ADUAN	
	<input type="checkbox"/>	TERNAKAN	<input type="checkbox"/>	AGRO PELANCONGAN	<input checked="" type="checkbox"/>	PELBAGAI	
	<input type="checkbox"/>	INDUSTRI ASAS TANI					

UCAPAN MENTERI KABINET SEMPENA TAHUN BAHARU 2018

"DENGAN iringan doa semoga tahun 2018 akan memberi sinaran yang lebih baik kepada kehidupan seharian kita.

"Terus menerus melakukan transformasi pendidikan ke arah Transformasi Nasional 2050 (TNSD)."

DATUK SERI MAHZIR KHALID
Menteri Pendidikan

"SELAMAT menyambut Tahun Baharu 2018 kepada seluruh rakyat Malaysia! Didoakan agar kehidupan kita semua akan lebih bererti, diberkati dan dirahmati. #SoaringUpwards."

DATUK SERI IDRIS JUSOH
Menteri Pendidikan Tinggi

"APABILA kita mempunyai target (sasaran), kita akan berusaha mencapainya. Sasaran yang kita letakkan mestilah tinggi dan lebih dari apa yang kita dapat sebelum ini.

"Saya mendoakan anak-anak akan menjadi pelajar yang berjaya dengan cemerlang. Selamat kembali ke sekolah 2018."

DATUK SERI ANIFAH AMAN
Menteri Luar

"KITA mencapai banyak kejayaan pada 2017 walaupun tidak diperlihatkan kepada umum. Masih banyak pembaikan boleh dibuat berterusan. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 100 peratus.

"Saya menyeru pegawai-pegawai kanan dan anggota kementerian ini agar dapat bersama-sama dengan agensi-agensi kementerian supaya mara ke hadapan untuk menyambut 2018 bersama-sama."

**DATUK SERI WAN JUNAIDI
TUANKU JAAFAR**
Menteri Sumber Asli
dan Alam Sekitar

"TAHUN 2017 sudah berlalu. Semoga 2018 lebih baik dari yang dulu. Selamat Tahun Baharu!"

**DATUK SERI AHMAD
SHABERY CHEEK**
Menteri Pertanian
dan Industri Asas Tani

"MELANGKAH ke 2018, kita akan terus mencapai trajektorinya yang telah ditetapkan. Tidak ragu-ragu, kerajaan Barisan Nasional memberi tumpuan sepenuhnya untuk memenuhi keperluan dan kebajikan rakyat.

"Kita telah berkembang maju dan berada di landasan yang tepat demi mencapai matlamat untuk menjadi sebuah negara maju. Pada tahun yang akan datang, marilah kita sekali lagi berjanji untuk bersama-sama mengharumkan nama Malaysia di mata dunia."

**DATUK SERI LIOW
TIONG LAI**
Menteri Pengangkutan

"AZAM Tahun Baharu 2018 untuk menempa lebih banyak kejayaan demi negara, memantapkan pentadbiran, memberi lebih banyak peluang kepada bumiputera, mencipta keharmonian, lebih banyak kebajikan tanpa mengira agama atau warna kulit, pembangunan dan kemudahan buat rakyat Malaysia tercinta."

**DATUK SERI ISMAIL
SABRI YAKOUB**
Menteri Kemajuan Luar
Bandar dan Wilayah

"SAYA yakin, resepi kejayaan kita adalah kerana kita sentiasa berganding bahu bersama-sama dalam apa jua keadaan demi melihat Malaysia yang cemerlang."

DATUK SERI NANCY SHUKRI
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri

"TAHUN memperkasa wanita 2018 adalah suatu penghargaan kepada wanita dalam pembangunan keluarga, masyarakat dan negara. Sama-sama kita jayakannya!"

**DATUK SERI ROHANI
ABDUL KARIM**
Menteri Pembangunan
Wanita, Keluarga
dan Masyarakat

KERATAN AKHBAR	<input checked="" type="checkbox"/>	BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/>	THE SUN	<input type="checkbox"/>	NEW STRAITS TIMES	TARIKH 01 JAN 2018
	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MELAYU	<input type="checkbox"/>	THE MALAY MAIL	
	<input type="checkbox"/>	HARIAN METRO	<input type="checkbox"/>	KOSMO	<input type="checkbox"/>	THE STAR	
	<input type="checkbox"/>	SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/>	HARAKAH	<input type="checkbox"/>	Keadilan	
PERKARA	<input type="checkbox"/>	PERTANIAN	<input type="checkbox"/>	PENGAIRAN & SALIRAN	<input type="checkbox"/>	ALAM SEKITAR	RUANGAN : BISNES Muka Surat 22
	<input type="checkbox"/>	PERIKANAN	<input checked="" type="checkbox"/>	EKONOMI/PEMASARAN	<input type="checkbox"/>	ADUAN	
	<input type="checkbox"/>	TERNAKAN	<input type="checkbox"/>	AGRO PELANCONGAN	<input type="checkbox"/>	PELBAGAI	
	<input type="checkbox"/>	INDUSTRI ASAS TANI					

Nilai pembiayaan Agrobank cecah RM9.5 bilion

Agrobank, bank yang dimandatkan untuk memperkasa industri pertanian negara merekodkan pertumbuhan memberangsangkan bagi tahun ini dengan nilai pembiayaan keseluruhan kira-kira RM9.5 billion, iaitu mewakili pertumbuhan sebanyak 8.4 peratus, setakat November lalu.

Pemangku Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Masaat Awadz, berkata peningkatan pembiayaan pertanian adalah seiring dengan pertumbuhan pasaran dan permintaan untuk penehuan pertanian dan industri asas tani.

Selain itu, katanya, Agrobank juga kekal menerajui pembiayaan untuk sektor agromakanan dengan pertumbuhan sehingga 12.9 peratus, membabitkan nilai keseluruhan RM3.5 billion berbanding RM3.1 billion

on pada tahun lalu.

“Peningkatan memberangsangkan ini seiring dengan komitmen Agrobank yang sentiasa proaktif dalam menyediakan perkhidmatan kewangan yang relevan dan berseesuaian dengan keperluan pelanggan terutama komuniti agro yang rata-rata adalah berasaskan makanan.

“Dalam apa juga keadaan ekonomi, akan terus ada permintaan untuk makanan dan prospek untuk pertanian dan agromakanan akan terus meningkat,” katanya dalam satu kenyataan.

Masaat berkata, fokus Agrobank kepada industri agromakanan negara adalah seiring dengan hasrat dan sasaran kerajaan yang telah termaktub dalam Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 iaitu memastikan bekalan makanan negara terjamin

dan membantu perkembangan perniagaan pertanian.

Pembiayaan komprehensif

“Sebagai sebuah bank yang lebih memahami sektor pertanian, Agrobank menawarkan pembiayaan komprehensif yang meliputi aktiviti pertanian dari sektor hulu dan hiliran yang meliputi pelbagai jenis perniagaan berasaskan pertanian.

“Selain itu, Agrobank sentiasa mendukung hasrat kerajaan untuk mengurangkan kadar kebergantungan negara terhadap makanan import. Setakat ini, rekod positif yang ditunjukkan untuk segmen agromakanan memberikan keyakinan kepada kami untuk terus memberikan penekanan kepada segmen ini.

“Untuk makluman, agromaka-

nan menyumbang sebanyak RM36.5 bilion atau tiga peratus kepada Kadar Dalam Negara Kasar (KDNK) negara,” katanya.

Bagi memenuhi keperluan bisnis agro yang meningkat, Agrobank memperkenalkan pusat pembiayaan khusus untuk kawasan wilayah agro yang strategik.

Pada 2017, Pusat Pembiayaan Korporat di Kuching dirasmikan Julai lalu, manakala Pusat Pembiayaan Komersil di Hutan Melintang dirasmikan pada November.

Masaat berkata, konsep pusat pembiayaan khusus itu diperkenalkan Agrobank untuk mewujudkan pusat yang memberi pengkhususan pembiayaan kepada dua jenis pembiayaan iaitu komersial dan korporat.

Katanya, bagi pembiayaan komer-

sial, Agrobank menawarkan pembiayaan bernilai RM51,000 hingga RM10 juta, manakala untuk pembiayaan korporat menawarkan pembiayaan bernilai lebih RM10 juta.

“Pusat ini diperkenalkan di kawasan yang mempunyai impak agro yang tinggi dan khusus untuk memberi khidmat nasihat untuk pembiayaan berskala sederhana dan besar,” katanya.

Mengulas prospek masa depan, beliau menjelaskan Agrobank yakin prospek dalam bidang pertanian dan industri 2018 akan kekal optimis berdasarkan permintaan dan potensi pasaran.

“Dalam pembentangan Bajet 2018 pada Oktober lalu, Perdana Menteri mengumumkan bajet terbesar dalam sejarah untuk industri pertanian, iaitu sebanyak RM6.5 billion.

KERATAN AKHBAR	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	TARIKH 01 JAN 2018
	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> UTUSAN MELAYU	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	
	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input checked="" type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> THE STAR	
	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> HARAKAH	<input type="checkbox"/> KEADILAN	
PERKARA	<input type="checkbox"/> PERTANIAN	<input type="checkbox"/> PENGAIRAN & SALIRAN	<input type="checkbox"/> ALAM SEKITAR	RUANGAN : HIABA Muka Surat 51
	<input type="checkbox"/> PERIKANAN	<input checked="" type="checkbox"/> EKONOMI/PEMASARAN	<input type="checkbox"/> ADUAN	
	<input type="checkbox"/> TERNAKAN	<input type="checkbox"/> AGRO PELANCONGAN	<input type="checkbox"/> PELBAGAI	
	<input type="checkbox"/> INDUSTRI ASAS TANI			

Agrobank catat pembiayaan keseluruhan RM9.5 bilion

KUALA LUMPUR - Agrobank merekodkan nilai pembiayaan keseluruhan sebanyak kira-kira RM9.5 bilion, naik 8.4 peratus setakat November 2017.

Pemangku Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Masaat Awadz berkata, perkembangan pembiayaan pertanian itu seiring dengan peningkatan pasaran dan permintaan untuk pengeluaran pertanian dan industri asas tani.

"Selain itu, Agrobank juga masih kekal menerajui pembiayaan untuk sektor agromakanan dengan merekodkan pertumbuhan sehingga 12.9 peratus dengan nilai keseluruhan RM3.5 bilion berbanding RM3.1 bilion pada tahun sebelum," katanya menerusi satu kenyataan di sini kelmarin.

Masaat berkata, peningkatan

memberangsangkan itu seiring dengan komitmen Agrobank yang sentiasa proaktif dalam menyediakan perkhidmatan kewangan yang relevan dan bersesuaian dengan keperluan pelanggan terutamanya dalam kalangan komuniti pertanian yang majoritinya berasaskan makanan.

"Sebagai sebuah bank yang memahami sektor pertanian, kami menawarkan pembiayaan komprehensif yang meliputi aktiviti pertanian dari sektor hulu dan hiliran yang melibatkan pelbagai jenis perniagaan berasaskan pertanian.

"Bagi memenuhi keperluan perniagaan pertanian yang meningkat, Agrobank telah memperkenalkan pusat pembiayaan untuk wilayah-wilayah yang strategik," katanya.

Beliau menambah, pada tahun

2017, Pusat Pembiayaan Korporat di Kuching, Sarawak telah dirasmikan pada bulan Julai, manakala Pusat Pembiayaan Komersial di Hutan Melintang, Bagan Datuk, Perak pada bulan November lalu.

"Konsep pusat pembiayaan ini diperkenalkan Agrobank untuk memberikan perkhidmatan khusus kepada dua jenis pembiayaan iaitu komersial dan korporat.

"Bagi pembiayaan komersial, kami menawarkan pembiayaan bernilai RM51,000 sehingga RM10 juta, sementara pembiayaan korporat bernilai lebih RM10 juta," katanya.

Masaat berkata, melangkah ke 2018, pihaknya optimis dengan prospek dalam bidang pertanian serta industri berdasarkan permintaan dan potensi pasaran.



AGROBANK terus proaktif menyediakan perkhidmatan kewangan yang relevan dengan keperluan komuniti pertanian di Malaysia. - Gambar hiasan

KERATAN AKHBAR	<input type="checkbox"/>	BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/>	THE SUN	<input type="checkbox"/>	NEW STRAITS TIMES	TARIKH 01 JAN 2018
	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MELAYU	<input type="checkbox"/>	THE MALAY MAIL	
	<input checked="" type="checkbox"/>	HARIAN METRO	<input type="checkbox"/>	KOSMO	<input type="checkbox"/>	THE STAR	
	<input type="checkbox"/>	SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/>	HARAKAH	<input type="checkbox"/>	KEADILAN	
PERKARA	<input type="checkbox"/>	PERTANIAN	<input type="checkbox"/>	PENGAIRAN & SALIRAN	<input type="checkbox"/>	ALAM SEKITAR	RUANGAN : BUSNES Muka Surat 73
	<input type="checkbox"/>	PERIKAMAN	<input checked="" type="checkbox"/>	EKONOMI/PEMASARAN	<input type="checkbox"/>	ADUAN	
	<input type="checkbox"/>	TERNAKAN	<input type="checkbox"/>	AGRO PELANCONGAN	<input type="checkbox"/>	PELBAGAI	
	<input type="checkbox"/>	INDUSTRI ASAS TANI					

Nabil Basaruddin
nabil.basaruddin
@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Agrobank merekodkan pertumbuhan memberangsangkan bagi 2017 dengan nilai pembiayaan keseluruhan RM9.5 bilion, dengan peningkatan 8.4 peratus setakat November 2017.

Pemangku Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Masaaq Awadz berkata, peningkatan pembiayaan pertanian meningkat seiring dengan pertumbuhan pasaran dan permintaan untuk pengeluaran pertanian serta industri asas tani.

Beliau berkata, Agrobank kekal menerajui pembiayaan untuk sektor agromakanan dengan catatan pertumbuhan sehingga 12.9 peratus dengan nilai keseluruhan bernilai RM3.5 bilion berbanding RM3.1 bilion tahun lalu.

"Pencapaian cemerlang ini seiring dengan komitmen Agrobank yang proaktif dalam menyediakan perkhidmatan kewangan yang relevan dan bersesuaian dengan keperluan pelanggan terutamanya komuniti agro berasaskan makanan.

"Dalam apa jua keadaan ekonomi, akan terus ada permintaan untuk makanan serta prospek untuk pertanian dan agromakanan untuk terus meningkat," katanya.

Biaya RM9.5 bilion segmen pertanian

Agrobank kekal teraju pembiayaan sektor agromakanan



MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (dua dari kanan) menyempalakan anugerah kepada pemilik Pak Ali Industries Sdn Bhd, Alias Ali (dua dari kiri) pada majlis Anugerah Agropreneur Agrobank, baru-baru ini.

Masaat berkata, sektor agromakanan menyumbang RM3.5 bilion atau tiga peratus kepada Kadar Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Sementara itu, Agrobank memperkenalkan pusat pembiayaan khusus untuk kawasan wilayah agro yang strategik dalam memenuhi permintaan dalam permintaan agro yang meningkat

pada 2017.

"Konsep Pusat Pembiayaan adalah untuk mewujudkan pusat yang memberi pengkhususan pembiayaan kepada dua jenis pembiayaan iaitu komersial

dan korporat.

"Untuk pembiayaan komersial, Agrobank menawarkan pembiayaan bernilai RM51,000 sehingga RM10 juta, manakala untuk pembiayaan korporat kami menawarkan pembiayaan bernilai

lebih RM10 juta," katanya.

Beliau berkata, Agrobank sentiasa menyokong hasrat kerajaan mengurangkan kadar kebergantungan negara terhadap makanan import.

"Setakat ini, rekod positif ditunjukkan untuk segmen agromakanan memberikan keyakinan kepada kami untuk terus memberikan penekanan kepada segmen ini," katanya.



Headline	Agrobank catat prestasi hebat		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	01 Jan 2018	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E2	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	302 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,548
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,643



Agrobank catat prestasi hebat

KUALA LUMPUR: Agrobank, bank yang dimandatkan untuk memperkasa industri pertanian negara telah merekodkan pertumbuhan memberangsangkan bagi tahun 2017 dengan nilai pembiayaan keseluruhan kira-kira RM9.5 billion, dengan peningkatan pertumbuhan sebanyak 8.4%, setakat November 2017.

Menurut Masaat Awadz, menanggung tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, peningkatan pembiayaan pertanian meningkat seiring dengan peningkatan

pasaran dan permintaan untuk pengeluaran pertanian dan industri asas tani. Selain itu, Agrobank juga masih kekal menerajui pembiayaan untuk sektor agromakanan dengan catatan pertumbuhan sehingga 12.9% dengan nilai keseluruhan RM3.5 billion berbanding RM3.1 billion pada tahun lalu.

"Peningkatan memberangsangkan ini seiring dengan komitmen Agrobank yang sentiasa proaktif dalam menyediakan perkhidmatan kewangan yang relevan dan bersesuaian dengan keperluan pelanggan terutamanya komuniti agro yang rata-rata adalah berasaskan makanan. Dalam apa jua keadaan ekonomi, akan terus ada permintaan untuk makanan dan prospek untuk pertanian dan agromakanan akan terus meningkat," demikian menurut Puan Masaat.

Tambah Puan Masaat Awadz lagi, fokus Agrobank kepada industri agromakanan negara adalah seiring dengan hasrat dan sasaran kerajaan yang telah termaktub dalam Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 iaitu memastikan bekalan makanan negara terjamin dan membantu perkembangan bisnes pertanian.

"Sebagai sebuah bank yang lebih memahami sektor pertanian, Agrobank menawarkan pembiayaan komprehensif yang meliputi

dan aliran yang meliputi pelbagai jenis pemiagaan berasaskan pertanian. "Selain itu, Agrobank sentiasa mendukung hasrat kerajaan untuk mengurangkan kadar kebergantungan negara terhadap makanan import. Setakat ini, rekod positif yang ditunjukkan untuk segmen

agromakanan memberikan keyakinan kepada kami untuk terus memberikan penekanan kepada segmen ini. Untuk makluman, agromakanan menyumbang sebanyak RM36.5 billion atau tiga peratus kepada Kadar Dalam Negara Kasar (KDNK) negara," jelas Puan Masaat lagi.

Bagi memenuhi keperluan bisnes agro yang meningkat, Agrobank telah memperkenalkan pusat pembiayaan khusus untuk kawasan wilayah agro yang strategik. Dalam tahun 2017, Pusat Pembiayaan Korporat di Kuching telah dirasmikan dalam bulan Julai 2017, manakala Pusat Pembiayaan Komersil di Hutan Melintang telah dirasmikan dalam bulan Nov 2017.

"Konsep Pusat Pembiayaan khusus ini telah diperkenalkan oleh Agrobank untuk mewujudkan pusat yang memberi pengkhususan pembiayaan kepada dua jenis pembiayaan iaitu komersial dan korporat. Untuk pembiayaan komersial, Agrobank menawarkan pembiayaan bernilai RM51,000 sehingga RM10 juta. Manakala untuk pembiayaan korporat kami menawarkan pembiayaan bernilai lebih RM10 juta. Pusat-pusat ini diperkenalkan di kawasan yang mempunyai impak agro yang tinggi dan khusus untuk memberi khidmat nasihat untuk pembiayaan berskala sederhana dan besar," jelas Puan Masaat lagi.

Selain itu, Puan Masaat menjelaskan bahawa Agrobank yakin prospek dalam bidang pertanian dan industri 2018 akan kekal opti-

mis berdasarkan permintaan dan potensi pasaran. Dalam pembentangan Bajet 2018 pada bulan

Oktober yang lalu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bajet terbesar dalam sejarah untuk industri pertanian yakni sebanyak RM6.5 billion. Di samping itu beliau turut mengumumkan sumber kekayaan baru pertanian seperti durian, kelapa, nenas dan juga burung walit. Potensi bisnes agro dijangka akan terus meningkat dan Agrobank akan terus menyokong strategi pertanian negara.

Agrobank ditubuhkan pada tahun 1969 dengan mandat untuk membangun dan memperkasakan sektor pertanian Negara. Ia adalah sebuah bank milik Kerajaan di bawah bidang kuasa Menteri Kewangan Diperbadankan. Pembiayaan Bank dalam sektor pertanian adalah didorong oleh dasar yang ditetapkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Dengan 47 tahun pengalaman dan rekod baik dalam industri perbankan pertanian, Agrobank secara aktif menyokong pembangunan pertanian negara dengan beroperasi di lapan (8) wilayah melalui 186 cawangan bank, Agrobank menawarkan produk dan perkhidmatan dalam bidang pembiayaan korporat, komersial dan mikro serta pembiayaan perdagangan, pembiayaan peribadi, perbankan elektronik dan deposit & perkhidmatan. Agrobank secara rasmi bergelar institusi perbankan Islam sepenuhnya pada 1 Julai 2015.

KERATAN AKHBAR	<input type="checkbox"/>	BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/>	THE SUN	<input type="checkbox"/>	NEW STRAITS TIMES	TARIKH 01 JAN 2018
	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MELAYU	<input type="checkbox"/>	THE MALAY MAIL	
	<input type="checkbox"/>	HARIAN METRO	<input type="checkbox"/>	KOSMO	<input type="checkbox"/>	THE STAR	
	<input checked="" type="checkbox"/>	SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/>	HARAKAH	<input type="checkbox"/>	Keadilan	
PERKARA	<input type="checkbox"/>	PERTANIAN	<input type="checkbox"/>	PENGAIRAN & SALIRAN	<input type="checkbox"/>	ALAM SEKITAR	RUANGAN : PENDAPAT Muka Surat 44
	<input type="checkbox"/>	PERIKANAN	<input type="checkbox"/>	EKONOMI/PEMASARAN	<input checked="" type="checkbox"/>	ADUAN	
	<input type="checkbox"/>	TERNAKAN	<input type="checkbox"/>	AGRO PELANCONGAN	<input type="checkbox"/>	PELBAGAI	
	<input type="checkbox"/>	INDUSTRI ASAS TANI					

Kawal harga durian

MEMANDANGKAN durian mendapat permintaan tinggi daripada pelbagai lapisan masyarakat, saya mencadangkan pihak KPDNKK menetapkan harga pasaran untuk 'raja buah' ini. Bagi yang berada, harga tidak jadi masalah, tetapi bagi yang berpendapatan rendah, entah bila dapat merasa isi manis durian. Dengan kawalan harga, manipulasi peniaga dapat dielak, semua dapat merasa beli buah durian. - *Penggemar Tegar Durian, Kuala Lumpur*

KERATAN AKHBAR	<input type="checkbox"/>	BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/>	THE SUN	<input type="checkbox"/>	NEW STRAITS TIMES	TARIKH 01 JAN 2018
	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MELAYU	<input type="checkbox"/>	THE MALAY MAIL	
	<input checked="" type="checkbox"/>	HARIAN METRO	<input type="checkbox"/>	KOSMO	<input type="checkbox"/>	THE STAR	
	<input type="checkbox"/>	SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/>	HARAKAH	<input type="checkbox"/>	KEDADILAN	
PERKARA	<input type="checkbox"/>	PERTANIAN	<input type="checkbox"/>	PENGAIRAN & SALIRAN	<input type="checkbox"/>	ALAM SEKITAR	RUANGAN : SETEMPAT Muka Surat 6
	<input type="checkbox"/>	PERIKAMAN	<input checked="" type="checkbox"/>	EKONOMI/PEMASARAN	<input type="checkbox"/>	ADUAN	
	<input type="checkbox"/>	TERNAKAN	<input type="checkbox"/>	AGRO PELANCONGAN	<input type="checkbox"/>	PELBAGAI	
	<input type="checkbox"/>	INDUSTRI ASAS TANI					



BUAH dabai dapat permintaan tinggi daripada penduduk Sarawak.

Buah dabai pilihan ramai

■ Petani mampu raih hasil jualan RM300 sehari

Sandra Albertz
am@hmetro.com.my

Samarahan

Jika sebelum ini buah dabai di Sarawak hanya boleh dibeli di Stbu, kini penduduk di sekitar bahagian ini dan Kuching boleh mendapatkan bekalan buah berkenaan daripada petani di Asajaya di sini.

Penanaman buah dabai membabitkan penduduk di kawasan itu sejak lebih seratus tahun lalu mula membuahkan hasil dan mampu memberikan pendapatan lumayan kepada penduduk.

Petani Jeffery Tungkat, 30, berkata, buah dabai yang ditanamnya kali pertama berbuah bulan lalu dan hasilnya sudah boleh dijual kepada orang ramai.

Menurutnya, dia mampu memperoleh pendapatan sehingga RM300 sehari dengan menjual buah dabai yang masak.

"Petani di sekitar Asajaya menaham pokok buah itu di sekitar kampung masing-masing sejak lebih seratus tahun lalu dan tidak sangka kini ia mula mendatangkan hasil lumayan kepada kami." "Setiap hari, kami (petani)



PETANI meraih hasil buah dabai untuk dijual di Asajaya.

mampu mengutip sehingga 30 kilogram buah terbaik untuk dijual," katanya.

Jeffery yang berasal dari Kampung Senangeh, Asajaya berkata, buah dabai boleh dijual antara RM10 hingga RM20 sekilogram mengikut kualiti. "Saya menjualnya hanya pada harga RM10 sekilo-

gram kepada penduduk kampung dan orang ramai yang melalui kampung saya berhampiran Jambatan Bantang Sadong.

"Kami juga menghebahkan jualan buah dabai dari kampung ini di laman sosial, malah sudah ada yang menempah buah itu dari kami," katanya.

Katanya, permintaan buah dabai dari Asajaya agak tinggi pada musim ini, namun tidak banyak ditanam di kampungnya.

FAKTA

Setiap hari petani mampu kutip sehingga 30kg buah dabai

KERATAN AKHBAR	<input type="checkbox"/>	BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/>	THE SUN	<input type="checkbox"/>	NEW STRAITS TIMES	TARIKH 01 JAN 2018
	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MELAYU	<input type="checkbox"/>	THE MALAY MAIL	
	<input checked="" type="checkbox"/>	HARIAN METRO	<input type="checkbox"/>	KOSMO	<input type="checkbox"/>	THE STAR	
	<input type="checkbox"/>	SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/>	HARAKAH	<input type="checkbox"/>	KEADILAN	
PERKARA	<input checked="" type="checkbox"/>	PERTANIAN	<input type="checkbox"/>	PENGAIRAN & SALIRAN	<input type="checkbox"/>	ALAM SEKITAR	RUANGAN : SETEMPAT Muka Surat 70
	<input type="checkbox"/>	PERIKANAN	<input type="checkbox"/>	EKONOMI/PEMASARAN	<input type="checkbox"/>	ADUAN	
	<input type="checkbox"/>	TERNAKAN	<input type="checkbox"/>	AGRO PELANCONGAN	<input type="checkbox"/>	PELBAGAI	
	<input type="checkbox"/>	INDUSTRI ASAS TANI					

■ Halia organik Gunung Karak bebas bahan kimia

Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Bentong

Rasa lebih pedas dan bebas daripada bahan kimia menjadi kelebihan halia organik yang ditanam di kawasan seluas 74.9 hektar di kawasan Gunung Karak di sini.

Persekitaran bebas daripada pencemaran dan terletak dalam bekas kawasan hutan semula jadi menjadikan tanaman (tanah tinggi itu subur dan mempunyai lebih khasiat perubatan.

Ketua projek Hamdan Yusop berkata, seramai 50 petani terbabit dengan projek halia organik Gunung Karak yang mula diusahakan awal tahun lalu dengan sokongan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)



HAMDAN (kiri) menunjukkan halia organik yang ditanam di Gunung Karak, Bentong.

dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

Menurutnya, projek menggunakan sistem terbuka dan di bawah naungan pokok itu turut dijadikan

produk pelancongan tanah tinggi yang mendapat sambutan menggalakkan daripada pelancong tempatan dan asing.

“Projek ekonomi di bawah Jawatankuasa Kemajuan dan

Keselamatan Kampung (JKKK) itu hanya menumpukan kepada produk hilir, empat produk berasaskan halia kini dikeluarkan oleh usahawan desa.

“Kita tidak memasarkan

halia mentah walaupun mendapat permintaan menggalakkan dengan harga tinggi, sebaliknya semua hasil dibekalkan kepada usahawan yang mengeluarkan produk seperti ser-

buk halia, kuah rojak, jeruk dan jamu,” katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, tempoh matang tanaman halia antara 10 bulan hingga setahun serta bebas daripada racun dan baja kimia menjadikan halia Gunung Karak berkualiti tinggi dan mempunyai banyak khasiat perubatan.

Menurutnya, setiap perdu halia mencapai berat antara satu kilogram hingga tiga kilogram, aktiviti mengembur tanah pada setiap pokok dilakukan setiap minggu bagi memastikan jumlah halia bertambah dan tidak rosak.

“Projek halia organik Gunung Karak yang diusahakan kini turut menjadi produk pelancongan, pelancong yang datang diberi peluang melihat demonstrasi memungut hasil, melawat kawasan tanaman dan diberikan penerangan.

“Empat produk hiliran kini dimajukan usahawan wanita terdiri daripada penduduk setempat untuk pasaran di sini, dan beberapa daerah lain,” katanya yang beradang memperluaskan lagi projek berkenaan.

KERATAN AKHBAR	<input type="checkbox"/>	BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/>	THE SUN	<input type="checkbox"/>	NEW STRAITS TIMES	TARIKH 01 JAN 2018
	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MELAYU	<input type="checkbox"/>	THE MALAY MAIL	
	<input checked="" type="checkbox"/>	HARIAN METRO	<input type="checkbox"/>	KOSMO	<input type="checkbox"/>	THE STAR	
	<input type="checkbox"/>	SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/>	HARAKAH	<input type="checkbox"/>	KEADILAN	
PERKARA	<input type="checkbox"/>	PERTANIAN	<input type="checkbox"/>	PENGAIRAN & SALIRAN	<input type="checkbox"/>	ALAM SEKITAR	RUANGAN : SETEMPAT Muka Surat 65
	<input type="checkbox"/>	PERIKANAN	<input type="checkbox"/>	EKONOMI/PEMASARAN	<input type="checkbox"/>	ADUAN	
	<input type="checkbox"/>	TERNAKAN	<input type="checkbox"/>	AGRO PELANCONGAN	<input checked="" type="checkbox"/>	PELBAGAI	
	<input type="checkbox"/>	INDUSTRI ASAS TANI					

Meriah 'mengoca' ikan

■ 200 penduduk tak lepas peluang tangkap ikan secara tradisional



PESERTA menangkap ikan menggunakan tangguk.

Anran Yahya
am@hmetro.com.my

Kuala Pilah

Seramai 200 penduduk tidak melepaskan peluang melakukan aktiviti 'mengoca' ikan apabila Empangan Bangkung, Juasseh, di sini, dibuka untuk pengaliran air sawah, semalam.

Mereka bukan saja terdiri penduduk setempat, malah datang dari daerah Jempol dan Tampin menunggu di kawasan itu sejak jam 8 pagi menangkap ikan menggunakan peralatan tradisional.

Sebaik empangan dibuka kakitangan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), penduduk turun ke Sungai Muar mendapatkan 'habuan' lada ikan puyu, sepat, haruan, lampam, tilapia, baung, sebarau dan udang galah.

Penduduk, Abdul Latif Othman, 57, berkata, aktiviti mengoca berkenaan dilakukan penduduk setahun sekali sejak lebih 70 tahun lalu.

Menurutnya, mereka beramai-ramai membanjiri kawasan itu sebaik mengetahui Empangan Bangkung dibuka dengan turut membawa peralatan tradisional seperti tangguk, tapis plastik dan jala.



AKTIVITI mengoca atau tangkap ikan pakai tangguk di Sungai Muar berhampiran Empangan Bangkung.

"Di kawasan lain aktiviti seperti itu dikenali sebagai mengoca ikan, namun di kampungnya lebih dikenali sebagai 'lepas empangan'.

"Alhamdulillah, saya menangkap 20 ikan pelbagai jenis. Biarpun pada tahun lalu saya memperoleh 40 ikan, tetapi sudah mencukupi untuk kail ini," katanya yang tidak pernah ketinggalan mengikuti aktiviti itu sejak 20 tahun lalu.

Penduduk Kampung Terusan, di sini, Mohd Zamri Mohd Plus, 52, berkata walaupun penduduk kurang meralih hasil tangkapan pada tahun ini, namun aktiviti itu tetap berlangsung meriah.

"Bagaikan pesta apabila kami berkumpul beramai-ramai untuk mengoca ikan. Penduduk menggunakan peralatan tradisional dan ia mengimbau kembali kehidupan nenek moyang," katanya.

"Jika lima tahun lalu saya boleh memperoleh ikan sehingga 10 kilogram, tetapi tahun ini mahu dapat satu kilogram pun sukar. Tetapi tidak mengapa asalkan aktiviti ini menyeronokkan," katanya.

Sementara itu, wakil JPS Khatruddin Maamor berkata, empangan berkenaan dibuka ketika menunggu kerja penanaman semula padi.

"Kesempatan itu digunakan untuk mengoca ikan dan menariknya penduduk beramai-ramai memasuki sungai," katanya.

TARIKH 01 JAN 2018		RUANGAN : SELANGOR		Muka Surat 22	
NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	THE STAR	KEADILAN	ALAM SEKITAR	ADUAN
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
THE SUN	UTUSAN MELAYU	KOSMO	HARAKAH	PENGAIKAR & SALIRAN	EKONOMI/PEMASARAN
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	AGRO PELANCONGAN
BERITA HARIAN	UTUSAN MALAYSIA	HARIAN METRO	SINAR HARIAN	PERTANIAN	PERIKANAN
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	TERNAKAN
KERATAN AKHBAR				INDUSTRI ASAS TANI	
PERKARA					

Empat tan ikan segar habis dijual

Program jualan ikan harga patut dapat sambutan positif rakyat, sanggup beratur panjang beli ikan

JENJARUM - Cadangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) membina 10 pusat pengumpulan dan pengedaran ikan tahun ini sebenarnya digalakkan terutama apabila berdepan musim tengkujuh.

Koordinator Pembangunan Persekutuan Dun Sijangkang, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, ia sebagai usaha menstabilkan harga sumber utama protein rakyat tempatan.

Menurutnya jika ia di realisasikan, stok ikan segar dapat ditingkatkan selain membantu rakyat tempatan mendapatkan ikan yang dijual pada harga berpatutan.

"Bagi saya apabila berlaku kekurangan ikan di pasaran, stok ikan ini boleh dilambatkan bagi mengelakkan harga ikan melambung tinggi.

"Ikan sejuk beku itu juga boleh bertahan sehingga setahun," katanya yang menyokong usaha Pengerusi LKIM, Datuk Seri Dr Imohizam Ibrahim yang memberitahu pembinaan 10 pusat baharu itu akan diputuskan pada bulan ini selepas pihaknya mengadakan perbincangan bersama Persatuan Nelayan



Kedua pelanggan yang sanggup beratur mendapatkan ikan segar dengan harga yang murah.

Kebangsaan (Nekmat) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

Mengulas mengenai sambutan menggalakkan lebih 2,000 pengunjung ke Program Jelajah Jualan Ikan Murah Segar di Jenjarum kelmarin pula, beliau menyifatkan ia bukan program yang bersifat sementara tetapi masih berterusan dengan menyasarkan penduduk luar bandar walaupun dianjurkan di pelbagai kawasan.

Menurutnya, sebanyak empat tan ikan segar habis dijual kepada penduduk kelmarin termasuk ikan sardin,

kembung dan cencaru.

"Ia memberi peluang kepada mereka untuk mendapatkan sumber protein dengan harga yang jauh lebih rendah daripada pasaran orang ini membuktikan rakyat negara kita percaya dengan usaha kita untuk membantu mereka mengurangkan beban kewangan isi rumah," katanya.

Sulaiman turut memberitahu, selepas program Jualan Ikan Harga Patut dianjurkan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Taman Pahlawan baru-baru ini mendapat sambutan, beliau

diberitahu penduduk menantikan program yang sama dianjurkan pada kuantiti yang lebih banyak.

Katanya, tidak sangka pula pelanggan sanggup datang awal pagi beratur semata-mata hendak mendapatkan harga yang lebih murah.

Seorang ibu tunggal, Nuraisyah Omar, 46, berkata, dia memang menantikan program berkenaan diadakan bagi mendapatkan harga lebih murah.

Katanya, dia tidak pernah menyalahkan peniaga menjual harga tinggi kerana faham ia mungkin dimanipulasikan



Antara ikan yang menjadi tumpuan pelanggan sempena Program Jelajah Jualan Ikan Murah Segar di Jenjarum, kelmarin.

INFO • Cadangan LKIM bina 10 pusat pengumpulan dan pengedaran ikan tahun ini akan diputuskan bulan ini selepas LKIM adakan perbincangan bersama Nekmat dan Fama

orang tengah.

"Memanglah selalu akak dengar ikan di pasaran di jual mahal, tapi tak pernah pun ikan tak ada stok.

"Bagaimanapun, sebagai orang kampung, jualan sebegini membantu kami menjitamkan kos untuk beli ikan segar pada harga jauh lebih murah," katanya.

Bagi seorang guru, Heema Amri, 34, walaupun dia masih bujang dan tinggal bersama dua lagi rakannya di

Sijangkang sanggup datang ke program berkenaan selepas ikan tersebut tular di laman sosial.

Katanya, tidak dinafikan, masyarakat hari ini sanggup datang membeli pelbagai barang jika harga yang ditawarkan jauh lebih murah.

"Budaya pembeli sanggup tunggu beli ikan murah ni sama seperti pelanggan yang sanggup tunggu jualan akhir tahun membeli perabot rumah," katanya.

KERATAN AKHBAR	<input type="checkbox"/>	BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/>	THE SUN	<input type="checkbox"/>	NEW STRAITS TIMES	TARIKH 01 JAN 2018
	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MELAYU	<input type="checkbox"/>	THE MALAY MAL	
	<input type="checkbox"/>	HARIAN METRO	<input type="checkbox"/>	KOSMO	<input type="checkbox"/>	THE STAR	
	<input checked="" type="checkbox"/>	SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/>	HARAKAH	<input type="checkbox"/>	KEADILAN	
PERKARA	<input type="checkbox"/>	PERTANIAN	<input type="checkbox"/>	PENGAIRAN & SALIRAN	<input type="checkbox"/>	ALAM SEKTAR	RUANGAN : ONLINE Muka Surat <input type="checkbox"/>
	<input type="checkbox"/>	PERIKANAN	<input type="checkbox"/>	EKONOMI/PEMASARAN	<input type="checkbox"/>	ADUAN	
	<input type="checkbox"/>	TERNAKAN	<input type="checkbox"/>	AGRO PELANCONGAN	<input checked="" type="checkbox"/>	PELBAGAI	
	<input type="checkbox"/>	INDUSTRI ASAS TANI					



PPM rampas peralatan tangkap ikan tidak sah

1 JANUARI 2018



JOHOR BAHRU - Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua merampas tujuh bubu lipan dalam operasi di Parit Kedondong, Parit Jawa dekat Muar, hari ini.

Komander PPM Wilayah Dua, Asisten Komisioner Paul Khiu Khon Chiang berkata, operasi dan rampasan dilakukan selepas pihaknya bertindak atas aduan awam nelayan pantai berkaitan penggunaan bubu lipan yang merupakan peralatan menangkap ikan tidak sah.

"Bot ronda RH30 PPM Wilayah Dua yang tiba di lokasi tersebut mendapati terdapat bubu-bubu yang dipasang dan ditinggalkan sementara sebelum diangkat oleh nelayan yang terlibat," katanya menerusi kenyataan di sini hari ini.

Khiu berkata, pihaknya merampas kesemua bubu terbabit yang dianggarkan bernilai RM1,000 untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata terdapat segelintir nelayan di daerah itu masih menggunakan peralatan menangkap ikan yang tidak dilesenkan oleh Jabatan Perikanan kerana kos yang rendah dan mudah digunakan selain mampu mengaut hasil lumayan.

Katanya PPM Wilayah Dua akan sentiasa bekerjasama dengan masyarakat untuk mengekang aktiviti yang menyalahi undang-undang di perairan negara. - Bernama

KERATAN AKHBAR	<input type="checkbox"/>	BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/>	THE SUN	<input type="checkbox"/>	NEW STRAITS TIMES	TARIKH 01 JAN 2018
	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MELAYU	<input checked="" type="checkbox"/>	THE MALAY MAIL	
	<input type="checkbox"/>	HARIAN METRO	<input type="checkbox"/>	KOSMO	<input type="checkbox"/>	THE STAR	
	<input type="checkbox"/>	SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/>	HARAKAH	<input type="checkbox"/>	KEADILAN	
PERKARA	<input type="checkbox"/>	PERTANIAN	<input type="checkbox"/>	PENGAIRAN & SALIRAN	<input type="checkbox"/>	ALAM SEKITAR	RUANGAN : TOP NEWS Muka Surat 4
	<input type="checkbox"/>	PERIKANAN	<input type="checkbox"/>	EKONOMI/PEMASARAN	<input type="checkbox"/>	ADUAN	
	<input type="checkbox"/>	TERNAKAN	<input type="checkbox"/>	AGRO PELANCONGAN	<input checked="" type="checkbox"/>	PELBAGAI	
	<input type="checkbox"/>	INDUSTRI ASAS TANI					

Trainer apologises to animal lovers for distress

By May Robertson
may@mmail.com.my

KUALA LUMPUR — Dog trainer Samy Velu Chandrasagar has apologised for the alleged dog abuse at his Malaysia Dog Training (MDT) centre.

Samy Velu, who came under fire after two videos by former trainees who allegedly used abusive dog training methods emerged on the Malaysia Independent Animal Rescue Facebook page on Thursday, said he was sorry for the distress the videos had caused animal lovers.

"I want to apologise to animal and dog lovers for what transpired. Although I was not involved, it still happened on my premise," he told *Malay Mail* yesterday.

"I do not know how such acts could have taken place at the centre, but I believe it was the doing of those who harbour resentment towards me."

Samy Velu, who was among the top eighth finalists of *Cesar's Rescue: Asia*, also said two of those who appeared in the videos — K. Suseylan and his wife M. Maithili — were trainees at the centre and were never hired as trainers.

"They came in to learn about dog training but were deemed unfit, so I offered Suseylan a managerial position, and Maithili a junior administrator's position at the centre," he said.

"Giving them positions that kept them in my premise was a mistake."

In the first video, a woman appears to be hitting a dog during obedience training, and in the second video, a man lifts a dog by the scruff of its neck twice in what looks like an attempt to pry away a bone the dog was biting.

Samy Velu said he did not think the videos portrayed animal abuse, rather two "confused individuals who were unfit for dog training".

"I cannot say it was physical abuse.



Samy Velu and senior trainer Sulochini Unni Narayanan with some of the canines at the Malaysia Dog Training centre. — Picture by Miera Zulyana

The holding of the dog's scruff is done sometimes to simulate what a mother dog would do to its pup but it depends on the situation," he said.

"The woman was wrong to have slapped the dog. This is never the way and I do not condone such behaviour."

Samy Velu said he planned to take legal action against Suseylan and Maithili after investigations by the Department of Veterinary Services.

On Saturday, Suseylan, Maithili and another trainee, K.S. Selvaganesh, alleged that Samy Velu was present when the video recording took place.

They lodged police reports in response to one lodged by Samy Velu regarding the allegedly abusive methods recorded in the videos.

In his report, Samy Velu accused the trio of training behind his back and recording the videos, adding that all three had left their jobs.

However, the trio said it was Samy Velu's method of training. They apologised in separate Facebook videos and claimed that whatever happened was under the instruction of their employer.

On Saturday, the Department of Veterinary Services Malaysia said it will investigate the matter.

It said that under the Animal Welfare Act 2015, an animal training provider or operator will be liable to a fine not less than RM20,000 and not more than RM100,000, or imprisonment of not more than three years, or both, if found guilty of abuse.